

**NO. SOALAN: 189**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

**SOALAN :**

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah JAKIM bercadang mendapatkan peruntukan bagi menambah bilangan pegawai penguat kuasa dan audit di beberapa negeri memandangkan berlakunya kes kelewatan Jabatan/Majlis Agama Negeri melakukan lawatan audit pensijilan halal hingga menyebabkan perniagaan makanan mengalami kerugian apabila terpaksa ditutup sementara waktu seperti yang terjadi di kawasan rehat dan rawat (R&R) lebuh raya terutamanya di Perak.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) adalah pihak berkuasa berwibawa dalam menjalankan pemeriksaan dan

penguatkuasaan halal di negara ini. Setiap tahun bilangan pemohon dan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia semakin bertambah dan ini menjadi cabaran kepada pihak JAKIM dan JAIN bagi memenuhi permintaan pemohon Pensijilan Halal Malaysia kerana kekangan tenaga kerja bagi menjalankan tugas pemeriksaan dan penguatkuasaan halal.

Oleh yang demikian, JAKIM telah mengambil **inisiatif untuk menambah bilangan pegawai dan kakitangan** bagi memenuhi keperluan dalam menjalankan tugas pemeriksaan dan penguatkuasaan halal. JAKIM telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mencari jalan penyelesaian berkaitan kekurangan tenaga kerja khususnya di Bahagian Hab Halal. JPA bersetuju supaya Bahagian Hab Halal, JAKIM melaksanakan penstrukturkan semula perjawatan secara berperingkat.

Selain itu, JAKIM turut membantu pihak JAIN dalam usaha untuk menambah baik perjawatan pegawai dan kakitangan di Unit Pengurusan Halal, JAIN seluruh Malaysia. Kebanyakkan Unit Pengurusan Halal di JAIN adalah diletakkan di bawah Bahagian/Unit Penyelidikan. Berikutan peranan Unit Pengurusan Halal, JAIN yang semakin berkembang, maka adalah wajar Unit Pengurusan Halal, JAIN ini diperbesarkan dari segi bilangan perjawatan dan juga dilakukan penyusunan semula struktur organisasi di JAIN. JAKIM telah menggemukakan beberapa model struktur organisasi dan perjawatan baru untuk digunakan oleh JAIN mengikut kesesuaian di negeri masing-masing. Sehingga kini, kebanyakkannya JAIN telah menerima pakai

model struktur organisasi dan perjawatan yang dicadangkan oleh JAKIM tersebut.

Mengenai terdapatnya kelewatan dalam melakukan pemeriksaan untuk Pensijilan Halal Malaysia khususnya di peringkat JAIN adalah disebabkan oleh pelbagai faktor dan tidak terhad kepada faktor kekurangan pegawai sahaja. Faktor-faktor lain turut menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan pemeriksaan pensijilan halal seperti pemohon tidak bersedia untuk dijalankan pemeriksaan.

Berhubung dengan **isu penutupan premis perniagaan di kawasan rehat dan rawat (R&R)** kerana kelewatan JAKIM atau JAIN melakukan pemeriksaan adalah tidak berlaku. Penutupan premis perniagaan mungkin berlaku kerana pihak penyewa/pengusaha gerai di kawasan rehat dan rawat (R&R) gagal memenuhi syarat sepetimana yang dinyatakan dalam perjanjian bersama pihak PLUS Malaysia Berhad (PLUS). Perjanjian awal penyewa/pengusaha bukan Muslim bersama PLUS menyatakan bahawa setiap penyewa/pengusaha bukan Muslim yang mengusahakan gerai makanan dan minuman perlu memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia bagi melayakkan mereka untuk terus beroperasi di gerai kawasan rehat dan rawat (R&R).

Sekian, terima kasih.